

02/06/2001

Pemuda dakwa syor Pas jejas pelajar

Mohd Anwar Patho Rohman

PETALING JAYA, Jumaat - Pemuda Umno hari ini, mendakwa cadangan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar untuk menyediakan kaunter pendaftaran ahli di pusat pengajian tinggi awam (IPTA) untuk menambah keahlian parti itu, akan menjejaskan pelajaran pelajar.

Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata Pemuda Umno tidak mahu pelajar diperalatkan kerana sedar ramai pelajar Melayu yang terbabit dalam politik, terjejas pelajaran mereka.

Beliau berkata, malah, Pemuda Umno selama ini bergerak secara tidak langsung di IPTA dengan mengatasi masalah membabitkan pelajaran, kewangan serta penempatan.

"Saya nasihatkan Pas supaya memikirkan masa depan pelajar dan jangan menjerumuskan pelajar ke kancah politik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan berupa kelengkapan sekolah kepada 56 pelajar bernilai RM100 selain tika kepada mangsa kebakaran di Kampung Perangsang Permai 14 Mei lalu yang kini tinggal sementara di Dewan Perangsang Permai, dekat sini.

Beliau mengulas cadangan Mahfuz untuk membuka kaunter keahlian di IPTA ekoran tindakan Puteri Umno mengedarkan borang keahlian di beberapa IPTA baru-baru ini.

Mengenai gesaan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, Pemuda akan menubuhkan Sekretariat Tetap minggu depan bagi menggerakkan jenteranya.

Abdul Aziz berkata, sekretariat itu akan memantau tugas Pemuda menarik lebih ramai ahli dan akan dipengerusikan Setiausaha Agung Pemuda, Zulkefli Mohd Alwi.

"Saya percaya Pemuda yang mempunyai 850,000 ahli serta 16,000 cawangan berjaya menambah keahlian baru," katanya.

Terdahulu, beliau berkata, bantuan persekolahan itu bertujuan meringankan beban murid-murid serta keluarga mangsa kebakaran.

Ekoran kebakaran 14 Mei lalu, keluarga berkenaan terpaksa menetap di Dewan Sri Manja, Dewan Umno dan Dewan Perangsang Permai.

Sebanyak 77 keluarga, termasuk 66 keluarga mangsa kebakaran itu masih dibenarkan tinggal di kampung berkenaan.

(END)